



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 3 / 2025

KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN NEGERI N.48 AYER KUNING, PERAK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid, Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak** berikutan kematian penyandanginya Allahyarham YB Ishsam bin Shahrudin pada 22 Februari 2025.
2. Sebagaimana diperuntukkan di bawah **Perkara XXXVI (5), Bahagian Pertama, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan**, kekosongan luar jangka tersebut hendaklah diisi dalam tempoh 60 hari dari tarikh dipastikan oleh SPR kekosongan tersebut telah berlaku.

3. Sehubungan dengan itu, satu **Mesyuarat Khas Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak** akan diadakan pada **7 Mac 2025 (Jumaat)** bagi membincangkan pelaksanaan pilihan raya tersebut.

4. **Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.**

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

28 Februari 2025 / 29 Syaaban 1446H